

Skrip filem epik kepahlawanannya Sabah

► Finas sediakan dana RM100,000 untuk FKSW UMS papar sejarah Murut

U8 27.1.2017

B12

PERBADANAN Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Finas) melalui Content Malaysia Pitching Center (CMPC) telah memberi dana sebanyak RM100,000 kepada pensyarah Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW), Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk membangun atau menghasilkan sebuah skrip filem epik aksi yang memaparkan sejarah kepahlawanannya Murut di Sabah.

Skrip filem epik aksi yang bertajuk Rundum: The Last Stand itu akan memaparkan kisah pemberontakan suku kaum Murut terhadap Syarikat Borneo Utara British di daerah Rundum yang berlaku pada tahun 1915.

Menurut pensyarah filem FKSW yang juga merupakan penulis skrip filem itu, Prof Madya Dr Zairul Anuar Md Dawam, pemilihan cerita pemberontakan Rundum itu dilakukan kerana banyak peristiwa yang berlaku pada pemberontakan itu belum dipaparkan dalam mana-

mana penghasilan filem di Malaysia.

Katanya berdasarkan kajian yang dijalankan, sejarah kepahlawanannya suku kaum Murut di Sabah sangat menarik untuk diangkat menjadi skrip filem cereka kerana latar peristiwa, watak perwatakannya yang unik dan berbeza berbanding dengan cerita-cerita kepahlawanannya tempatan sedia ada.

“Jika di Hollywood, mereka dapat menghasilkan skrip dan filem seperti Apocalypto, Braveheart, The New World dan lain-lain lagi yang memaparkan cerita kepahlawanannya masyarakat asal masing-masing. Di Sabah, kita juga mempunyai cerita-cerita pahlawan berteraskan kebudayaan setempat yang lebih unik dan menarik,” katanya.

Justeru, kata Zairul, pra peristiwa yang menyebabkan berlakunya pemberontakan Rundum yang diketuai oleh Ontoros Antenom iaitu pahlawan Murut Sabah dipilih untuk dijadikan latar cerita dalam skrip itu.

“Namun begitu, skrip

yang dihasilkan tidak hanya memfokuskan kepada watak Antenom semata-mata. Banyak adegan bersumberkan sejarah pemberontakan yang ditulis itu akan disesuaikan dengan keperluan struktur penceritaan sesebuah filem cereka bagi memastikan skrip yang dihasilkan itu lebih menarik,” katanya.

Mempelajari kesukaran dan kegagalan untuk mengadaptasi filem-filem epik bersumberkan sejarah tempatan yang pernah ditayangkan di Malaysia, Zairul memberitahu bahawa sebuah skrip filem yang baik tidak harus hanya menjadikan peristiwa sejarah yang banyak diketahui oleh masyarakat umum sebagai sebuah filem.

Katanya di sebalik peristiwa sejarah yang belum diketahui umum itulah sebenarnya yang harus diangkat menjadi sebuah skrip atau filem kerana ia akan memberi pengalaman dan pengetahuan baru kepada audiensi.

“Tanpa mengubah peristiwa sebenar yang berlaku, tugas penulis skrip dan pembikin filem adalah

“**Jika di Hollywood, mereka dapat menghasilkan skrip dan filem seperti Apocalypto, Braveheart, The New World dan lain-lain lagi yang memaparkan cerita kepahlawanannya masyarakat asal masing-masing. Di Sabah, kita juga mempunyai cerita-cerita pahlawan berteraskan kebudayaan setempat yang lebih unik dan menarik.**”

PROF. MADYA DR. ZAIRUL ANUAR MD. DAWAM
Pensyarah Filem FKSW

mengangkat sesebuah cerita dan memberi persepsi atau nilai baru kepada audiensi. Ini yang menjadikan sesebuah skrip atau filem bersumberkan sejarah berbeza dengan bahan bacaan buku sejarah,” katanya.

Justeru, melalui skrip Rundum: The Last Stand itu, beliau dan rakan-rakan pensyarah lain akan membuat kajian lanjut dan menggunakan elemen dan struktur naratif yang digunakan oleh kebanyakan penulis dan pembikin filem Hollywood dan Korea dalam memastikan skrip



itu menarik dan memenuhi kehendak audiensi.

Menceritakan mengenai dana pembangunan filem bagi projek penulisan skrip itu, Zairul menyatakan pihaknya telah melalui prosedur biasa yang telah ditetapkan oleh pihak CMPC, Finas dalam pemberian dana.

Beliau dan kumpulannya telah melalui sesi pitching lambak atau pembentangan yang diadakan oleh pihak Finas di Sabah pada hujung tahun 2015 sebelum berjaya ke peringkat pembentangan seterusnya.

“Melalui beberapa siri bengkel, pihak Finas telah

membantu produser-produser tempatan di Sabah bagi mendapatkan dana ini. Selepas pihak kami berjaya melepas saringan pembentangan atau pitching lambak, pihak kami telah melakukan pembentangan terakhir pada penghujung tahun 2016 dan berjaya dipilih untuk menerima geran pembangunan skrip filem itu,” jelasnya.

Bagi memastikan skrip itu berjaya memenuhi kriteria yang ditetapkan, Zairul memberitahu pihaknya akan melakukan kajian atau penyelidikan dengan lebih mendalam berkaitan pra peristiwa pemberontakan di Rundum dengan mengunjungi tapak di mana peristiwa itu berlaku dan menemuramah tokoh-tokoh sejarah serta penduduk kawasan di mana peristiwa itu berlaku.

“Pihak kami juga bekerjasama dengan syarikat filem tempatan Sabah iaitu North Borneo Media Sdn Bhd untuk membangunkan skrip ini. Selain North Borneo Media, kami juga mengalu-alukan produser atau syarikat filem tempatan lain untuk bergabung dan bekerjasama dengan pihak kami bagi menghasilkan filem epik aksi ini,” katanya.

Menurutnya lagi, selepas skrip berjaya disiapkan,

pihaknya juga berhasrat untuk memohon dana produksi yang disediakan oleh Finas.

“Melalui bantuan Finas dan kerjasama syarikat filem tempatan yang berminat untuk terlibat dengan projek pembikinan filem epik ini, kita juga akan berusaha untuk membuat pra jualan bagi mendapatkan para pelabur yang berminat melalui festival dan pasaran filem di luar negara,” katanya.

Zairul berkata walaupun masih terlalu awal, namun pihaknya yakin melalui sistem pemilihan dan peluang yang dilaksanakan oleh pihak Finas melalui CMPC, membolehkan pihak institusi pengajian tinggi tempatan seperti Universiti Malaysia Sabah (UMS) mendapatkan peluang untuk menceburi bidang profileman.

“Kami yakin melalui sistem pemilihan dan pemberian dana yang dilakukan oleh pihak Finas akan memberi peluang sama rata kepada semua pihak. Penglibatan dan kepakaran yang dimiliki oleh tenaga pengajar institusi pengajian tinggi terutama dalam aspek penghasilan dan pembangunan skrip boleh membantu industri filem di Malaysia untuk berkembang lebih maju lagi,” katanya.